

RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN MAJLIS DAERAH KERIAN 2022-2025



MAJLIS DAERAH KERIAN



WWW.MDKERIAN.GOV.MY

01

PENGENALAN

02

PENCAPAIAN

03

LANDSKAP SEMASA GLOBAL

04

LANDSKAP SEMASA SEKTOR AWAM

05

HALA TUJU STRATEGIK PENDIGITALAN MAJLIS

06

STRATEGI, PROGRAM DAN INISIATIF PENDIGITALAN

07

PELAN PELAKSANAAN PSPMDK 2022-2025

PENGENALAN



Pelan Strategik Pendigitalan Majlis Daerah Kerian (PSPMDK) 2022-2025 menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan MDK untuk tempoh empat tahun yang akan menjadi panduan kepada anggota kerja bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang Mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

Kepentingan PSPMDK 2022-2025

1. Menyokong aspirasi Kerajaan untuk menggapai Sustainable Development Goal 2030, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Rancangan Malaysia Ke-12.
2. Menjajarkan penerimgunaan kemunculan teknologi baharu (emerging technologies) seiring dengan transformasi digital Sektor Awam.
3. Menyumbang kepada ekonomi digital menerusi adaptasi/eksploitasi kemunculan teknologi baharu (emerging technologies)



Merangkumi perkhidmatan berteraskan G2G, G2C, G2B dan G2E



Skop meliputi semua warga kerja dan penduduk Daerah Kerian



Pelan strategik ini menjadi pemangkin kepada kesinambungan Kerajaan Digital Mampan

PENCAPAIAN

PENCAPAIAN PSICT 2019-2021



PENCAPAIAN KESELURUHAN PELAKSANAAN PSICTMDK 2019-2021



3 TERAS

8 STRATEGI

25 PROGRAM

PERATUS PENCAPAIAN

BIL. STRATEGI

BIL. PROGRAM

**TERAS
STRATEGIK 1**

93.25%

94%

92.5%

**PENGUKUHAN
APLIKASI YANG LEBIH
EFEKTIF**

**TERAS
STRATEGIK 2**

96%

95.8%

96.2%

**PEMANTAPAN
INFRASTRUKTUR ICT
SECARA OPTIMUM
DAN EFISIEN**

**TERAS
STRATEGIK 3**

65%

60%

75%

**PEMANTAPAN
TADBIR URUS DAN
PEMBUDAYAAN
ICT**

LANDSKAP SEMASA GLOBAL



17 matlamat utama (goals) yang digariskan menerusi *Sustainable Development Goals(SDG) 2030*

PSPMDK 2022-2025 adalah :

- Sejarar dengan Matlamat Utama ke-8, Matlamat Utama ke-9 dan matlamat Utama ke-11 dalam mereformasikan tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam menyokong Pelan Strategik Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Majlis Daerah Kerian.
- Semua aktiviti yang digariskan adalah sejarar dengan mana-mana 17 matlamat utama (goals) SDG 2030.
- Sasaran pengguna PSPMDK 2022-2025 adalah kepada semua warga berdasarkan konsep tiada yang terpinggir (leaving no one behind) dan selari dengan prinsip SDG.



PELAN STRATEGIK
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG)
Majlis Daerah Kerian
MAJU, INDAH, BESTARI



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS

2023

Jumlah orang kurang upaya yang bekerja akan meningkat **3** kali ganda dengan kehadiran AI dan teknologi baharu.

30% kandungan berita dan video dunia akan disahkan sebagai benar menggunakan teknologi blockchain.

2022

45% pengurusan data secara manual akan dikurangkan melalui penggunaan pembelajaran mesin (machine learning).

40% sumber ICT mudah alih (mobile) dan perkakasan yang berhubung dengan rangkaian (endpoint) akan dikhususkan kepada pekerja barisan hadapan (frontline workers).

2021

Lebih **40%** daripada semua data dan projek analisis akan berkaitan dengan pengalaman pelanggan (customer experience)

2024

Artificial Emotional Intelligence akan mempengaruhi lebih daripada **50%** iklan dalam talian yang dilihat oleh pengguna

2025

50% orang yang mempunyai telefon pintar tetapi tanpa akaun bank akan menggunakan akaun cryptocurrency mudah alih.

Lebih **25%** aplikasi mudah alih, web progresif dan aplikasi konvensional akan dibina melalui platform pembangunan multiexperience.

100 juta bilangan pekerja berpendidikan diperingkat global akan terkesan dengan proses automasi yang dilaksanakan oleh robot

2030

Serangan siber menjadi antara **10** risiko tertinggi diperingkat global yang akan menjadi perhatian.

80% serahan barang kepada pelanggan akan menggunakan kereta berautonomi.

Malaysia dijangka menjadi negeri tua pada tahun 2030 merangkumi **15%** daripada jumlah keseluruhan penduduk.



Sumber:

- 1 Gartner (2019) | <https://www.gartner.com/smarterwithgartner/gartner-top-strategic-predictions-for-2020-and-beyond/>
- 2 Gartner IT Symposium (2019) | Xpo 03 07 November 2019 Barcelona, Spain | Top 10 Data and Analytics Technology Trends That Will Change Your Business
- 3 Gartner IT Symposium (2019) | Xpo 03 07 November 2019 Barcelona, Spain | The Future of Frontline Workers
- 4 KPMG (2020) | <https://home.kpmg/my/en/home/services/advisory/management-consulting/it-enabled-transformation/rpa1.html>
- 5 Malaysia's Ageing Population Trends (2016) | https://www.researchgate.net/publication/305727022_Malaysia's_Ageing_Population_Trends
- 6 Frost & Sullivan (2019) | ICT Trends 2021 2025
- 7 Gartner (2020) | <https://www.gartner.com/en/information-technology/glossary/multiexperience-development-platforms-mxdp>

LANDSKAP SEMASA

SEKTOR AWAM



WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030



PSPMDK 2022-2015

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantai bekalan.

Wawasan ini merupakan kesinambungan daripada Wawasan 2020 yang menetapkan hala tuju dan perancangan strategi ekonomi Malaysia secara komprehensif bagi melonjakkan pencapaian ekonomi negara, menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat dan mengukuhkan perpaduan Negara menjelang tahun 2030



WKB 2030 menggariskan tiga objektif, 15 prinsip panduan, 7 teras strategik dan 8 pemboleh daya untuk merealisasikan matlamat yang ditetapkan

- Kemakmuran Berterusan
- Kesaksamaan Keberhasilan
- Pertumbuhan Saksama
- Ekonomi Teragih
- Keterangkuman

- Masyarakat Peribelajar
- Ekonomi Masa Hadapan
- Pendekatan Ekonomi Keperluan
- Ekonomi Politik Berinstitusi
- Model Kesepaduan Sosial

- Paksi Ekonomi Asia
- Demokrasi dan Kestabilan
- Integriti & Tadbir Urus Yang Baik
- Perpaduan dalam Kepelbagaian
- Kedaulatan dan Kelestarian

LAPAN PEMBOLEH DAYA WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA

Keupayaan, sumber dan pemangkin yang menyumbang kepada kejayaan Wawasan Kemakmuran Bersama






RE
U D C
S U Y
E C C
E L E

Not plastic, fantastic!
Say no to plastic

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe 12) adalah kesinambungan kepada Pelan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe 11) yang digubal berdasarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan menjadi garis panduan kepada pembangunan jangka panjang.

Tiga dimensi pembangunan dan reformasi institusi adalah sejajar dengan Sustainable Development Goals (yang ditunjangi oleh Tadbir Urus Kerajaan dan Alat Dasar Baharu.



Sumber:

1. Portal EPU: <http://rmke12.epu.gov.my/about-us>
2. Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 bertarikh 19 Disember 2019

HALA TUJU STRATEGIK

PENDIGITALAN MAJLIS



KERANGKA PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2021-2025




PSPMDK 2022-2015

TECHNOLOGY

KERANGKA PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2021-2025



PSPSA 2021 – 2025



TEMA: “SINERGI PENDIGITALAN MAMPAK”

VISI

“Kerajaan Digital Mampuk Pemangkin Masyarakat Digital”

TERAS STRATEGIK

7 Teras Strategik ialah tonggak kepada kelangsungan pelaksanaan aspirasi Kerajaan Digital.

PRINSIP PANDUAN

10 Prinsip Panduan ialah dasar yang mendorong ke arah kejayaan pelaksanaan inisiatif pendigitalan

EKOSISTEM PEMBOLEH DAYA

9 ekosistem pemboleh daya ialah komponen strategik untuk menyokong kejayaan dan kelestarian inisiatif pendigitalan

PENGURUSAN PERKHIDMATAN DIGITAL PEMANGKIN MASYARAKAT LESTARI merupakan visi pendigitalan Majlis Daerah Kerian untuk menyokong Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12), aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030 MyDIGITAL dan Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030) dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025. PSPMDK 2022-2025 ini memberi fokus kepada kelangsungan Kerajaan Digital mampan melalui sistem penyampaian perkhidmatan yang inklusif dan bersepadu kepada semua golongan masyarakat terutamanya daerah Kerian.

PENGURUSAN PERKHIDMATAN DIGITAL PEMANGKIN MASYARAKAT LESTARI



Defisini :

- Pengurusan Perkhidmatan ialah perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis kepada penduduk di Daerah Kerian.
- Pengurusan Perkhidmatan Digital adalah satu kaedah penyampaian perkhidmatan kepada orang awam melalui teknologi digital. Ia bergantung kepada ekosistem pengurusan perkhidmatan yang terdiri daripada kerajaan, perniagaan, persatuan penduduk dan individu yang menyokong pengeluaran dan akses kepada data, perkhidmatan dan kandungan melalui interaksi dengan Majlis.
- Masyarakat Lestari yang merupakan sebuah komuniti dan dikaitkan dengan kualiti kehidupan yang merangkumi sistem ekonomi, sosial, dan persekitaran bagi menjamin kesejahteraan hidup dan persekitaran yang sihat dan produktif.

Faedah

- Meningkatkan ekonomi digital serta kedudukan daerah di peringkat negeri dan negara.
- Pemangkin untuk merealisasikan masyarakat digital yang berpengetahuan, berkemahiran, mempunyai kesantunan yang tinggi, tingkah laku yang baik, beretika dan bertanggungjawab dalam dunia maya.

Teras Strategik dan objektif ialah penanda aras kepada kelangsungan pelaksanaan aspirasi Kerajaan Digital yang dibahagikan mengikut tiga teras merangkumi empat domain (data, aplikasi, teknologi dan tadbir urus) yang telah dikenal pasti.

TADBIR URUS CEKAP DAN PANTAS

1. Pemantapan Tadbir Urus Digital

TS 1



TS 2

TS 3

PENERAJU PERKHIDMATAN INSKUSIF DAN BERSEPADU

1. Pemerkasa Penyampaian Perkhidmatan Digital Berpaksikan Rakyat
2. Pemerkasa Transformasi Pengurusan Anggota Ke Arah Pendigitalan

PENGOPTIMUM NILAI PERKHIDMATAN NILAI PERKHIDMATAN GUNA SAMA YANG SELAMAT

1. Pemantapan Infrastruktur Pengkomputer Awam MDK.
2. Pemantapan Keupayaan Rangkaian Dan Komunikasi Digital

STRATEGI, PROGRAM DAN INISIATIF PENDIGITALAN



PENGURUSAN PERKHIDMATAN DIGITAL PEMANGKIN MASYARAKAT LESTARI

	3 TERAS	5 STRATEGI	8 PROGRAM	20 INISIATIF
T1	PENERAJU PERKHIDMATAN INSKUSIF DAN BERSEPADU	S1 – Pemerkasa Penyampaian Perkhidmatan Digital Berpaksian Rakyat S2 – Pemerkasa Transformasi Pengurusan Anggota Ke Arah Pendigitalan	3 PROGRAM	8 INISIATIF
T2	TADBIR URUS CEKAP DAN PANTAS	S1 – Pemantapan Tadbir Urus Digital	2 PROGRAM	6 INISIATIF
T3	PENGOPTIMUM NILAI PERKHIDMATAN GUNA SAMA YANG SELAMAT	S1 – Pemantapan Infrastruktur Pengkomputer Awan MDK. S2 - Pemantapan Keupayaan Rangkaian Dan Komunikasi Digital	3 PROGRAM	6 INISIATIF

T1

PENERAJU PERKHIDMATAN INSKUSIF DAN BERSEPADU

Objektif :

1. Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan digital yang kreatif dan berinovasi.
2. Menggalakan dan menerapkan penggunaan kemunculan teknologi baharu (*emerging technologies*) bagi menghasilkan aplikasi pintar dan berimpak tinggi.

S1 – PEMERKASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERPAKSIKAN RAKYAT

P1 – PENINGKATAN PERKHIDMATAN BERKONSEPKAN KESELURUHAN KERAJAAN. (WHOLE OF GOVERNMENT)

1. Melaksanakan kajian pemantapan dan penambahbaikan Portal Rasmi MDK dan Sistem Gerbang Pembayaran Dalam Talian MDK.
2. Mewujudkan single sign on (SSO) bagi semua perkhidmatan atas talian MDK.

P2 – PEMANTAPAN PERKHIDMATAN APLIKASI MUDAH ALIH SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN TANPA TUNAI.

1. Menggunakan kesemua modul bagi aplikasi Park@Perak berpandukan *Blue Print* Park@Perak Kerajaan Negeri Perak.
2. Mewujudkan Pelbagai kaedah pembayaran atas talian melalui aplikasi pihak ketiga seperti Touch n Go, ShopeePay dan sebagainya.

S2 – PEMERKASA TRANSFORMASI PENGURUSAN ANGGOTA KE ARAH PENDIGITALAN

P1 – PEMANTAPAN PERKHIDMATAN APLIKASI MUDAH ALIH SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN TANPA TUNAI.

1. Meningkatkan dan menambahbaik sistem pengurusan dokumen digital mdk.
2. Melaksanakan persekitaran kolaboratif digital (messaging) MDK.
3. Meningkatkan dan menambahbaik sistem penguat kuasa ke arah digitalisasi.
4. Mewujudkan sistem GIS daerah Kerian

T2

TADBIR URUS CEKAP DAN PANTAS

Objektif :

1. Memantapkan, menggerakkan dan mengkoordinasikan tadbir urus pendigitalan yang menyeluruh.
2. Memantapkan pengurusan dan kefungisian organisasi digital yang tangkas.

STRATEGIK 1 – PEMANTAPAN TADBIR URUS DIGITAL

P1 – PENINGKATAN PERKHIDMATAN BERKONSEPKAN KESELURUHAN KERAJAAN. (WHOLE OF GOVERNMENT)

1. Mewujudkan jawatankuasa baharu dan memperkasakan peranan jawatankuasa sedia ada berkaitan dengan ICT / digital.
2. Mewujudkan dan penambahan kakitangan anggota dalam bidang ICT.
3. Melaksanakan program peningkatan kesedaran digital bagi anggota kerja MDK.

P2 – PEMERKASAAN PROGRAM KEPIMPINAN DIGITAL

1. Mengadakan lawatan eksekutif ke agensi-agensi, negeri dan negara.
2. Melaksanakan program kepimpinan dan insaniah.
3. Melaksanakan latihan dan kefahaman berkaitan ict dan digital bagi anggota kerja MDK.

T3

PENGOPTIMUM NILAI PERKHIDMATAN GUNA SAMA YANG SELAMAT

Objektif :

1. Memantapkan perkhidmatan guna sama ICT dengan nilai tambah penggunaan teknologi terkini yang relevan.
2. Memastikan penawaran perkhidmatan guna sama ICT yang selamat dan mampan.

STRATEGIK 1 – PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR PENGKOMPUTER AWAN MDK

P1 – PENGUKUHAN PERKHIDMATAN KE ARAH PERKHIDMATAN AWAN (CLOUD SERVICES) DAN INFRA SEMASA.

1. Membuat kajian dan penyelidikan perkhidmatan servis dan storan awan.
2. Memperkukuh infrastruktur dan persekitaran semasa bagi membolehkan pelaksanaan hybrid cloud.

STRATEGIK 2 - PEMANTAPAN KEUPAYAAN RANGKAIAN DAN KOMUNIKASI DIGITAL

P1 – PENINGKATAN DAN PERLUASAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN

1. Memperkukuhkan rangkaian internet di Wisma MDK dan pejabat cawangan MDK.
2. Mewujudkan talian tanpa wayar (wifi) di kawasan awam

P2 – PEMATUHAN KESELAMATAN SIBER DAN KESELAMATAN PERSEKITARAN AWAM

1. Melaksanakan jaminan kualiti keselamatan bagi rangkaian, sistem dan peralatan ICT.
2. Mewujudkan CCTV di kawasan-kawasan awam.

PELAN PELAKSANAAN PSPMDK 2022-2025



S1 – PEMERKASA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERPAKSIKAN RAKYAT		JABATAN PENERAJU	2022	2023	2024	2025
P1 – PENINGKATAN PERKHIDMATAN BERKONSEPKAN KESELURUHAN KERAJAAN. (WHOLE OF GOVERNMENT)	1. Melaksanakan kajian pemantapan dan penambahbaikan Portal Rasmi MDK dan Sistem Gerbang Pembayaran Dalam Talian MDK.	BTM				
	2. Mewujudkan single sign on (SSO) bagi semua perkhidmatan atas talian MDK.	BTM				
P2 – PEMANTAPAN PERKHIDMATAN APLIKASI MUDAH ALIH SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN TANPA TUNAI.	1. Menggunakan kesemua modul bagi aplikasi Park@Perak berpandukan Blue Print Park@Perak Kerajaan Negeri Perak.	BTM, PGK				
	2. Mewujudkan Pelbagai kaedah pembayaran atas talian melalui aplikasi pihak ketiga seperti Touch n Go, ShopeePay dan sebagainya.	BTM, PBH				

S2 – PEMERKASA TRANSFORMASI PENGURUSAN ANGGOTA KE ARAH PENDIGITALAN		JABATAN PENERAJU	2022	2023	2024	2025
P1 - PEMANTAPAN PENGURUSAN PENDIGITALAN MDK	1. Meningkatkan dan menambahbaik sistem pengurusan dokumen digital MDK.	BTM, KHP				
	2. Melaksanakan persekitaran kolaboratif digital (messaging) MDK.	BTM, KOR				
	3. Meningkatkan dan menambahbaik sistem penguat kuasa ke arah digitalisasi.	BTM, PGK, UND				
	4. Mewujudkan sistem GIS daerah Kerian	BTM, KPR, PEN, KEJ, PRB				

STRATEGIK 1 – PEMANTAPAN TADBIR URUS DIGITAL		JABATAN PENERAJU	2022	2023	2024	2025
P1 – RASIONAL TADBIR URUS DIGITAL	1. Mewujudkan jawatankuasa baharu dan memperkasakan peranan jawatankuasa sedia ada berkaitan dengan ICT/digital.	BTM				
	2. Mewujudkan dan penambahan kakitangan anggota dalam bidang ICT.	BTM, KHP				
	3. Melaksanakan program peningkatan kesedaran digital bagi anggota kerja MDK.	BTM, KOR				
P2 – PEMERKASAAN PROGRAM DIGITAL KEPIMPINAN	1. Mengadakan lawatan eksekutif ke agensi-agensi, negeri dan negara.	BTM, KHP, KOR				
	2. Melaksanakan program kepimpinan dan insaniah.	BTM, KHP				
	3. Melaksanakan latihan dan kefahaman berkaitan ict dan digital bagi anggota kerja MDK.	BTM				

STRATEGIK 1 – PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR PENGKOMPUTER AWAN MDK		JABATAN PENERAJU	2022	2023	2024	2025
P1 – PENGUKUHAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN KEARAH PERKHIDMATAN AWAN (CLOUD SERVICES) DAN INFRA SEMASA.	1. Membuat kajian dan penyelidikan perkhidmatan servis dan storan awan.	BTM				
	2. Memperkukuh infrastruktur dan persekitaran semasa bagi membolehkan pelaksanaan hydrid cloud.	BTM				

STRATEGIK 2 - PEMANTAPAN KEUPAYAAN RANGKAIAN DAN KOMUNIKASI DIGITAL		JABATAN PENERAJU	2022	2023	2024	2025
P1 – PENINGKATAN DAN PELUASAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN	1. Memperkukuhkan rangkaian internet di Wisma MDK dan pejabat cawangan MDK.	BTM				
	2. Mewujudkan talian tanpa wayar (wifi) di kawasan awam.	BTM, PRB				
P2 – PEMATUHAN KESELAMATAN SIBER DAN KESELAMATAN PERSEKITARAN AWAM	1. Melaksanakan jaminan kualiti keselamatan bagi rangkaian, sistem dan peralatan ICT.	BTM				
	2. Mewujudkan CCTV di kawasan-kawasan awam.	BTM, PRB, KPR				

Majlis Daerah Kerian
No 1, Wisma Mdk,
Jalan Padang,
34200, Parit Buntar
Perak Darul Ridzuan

Tel: +605-7161228
Faks : +605-7169268



MAJLIS DAERAH KERIAN



WWW.MDKERIAN.GOV.MY

Disediakan Oleh :
Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Daerah Kerian

April 2022